

01 FEBRUARI 2018

## Pengedar buang syabu ketika diserbu

### Pengedar buang syabu ketika diserbu

**PAPAR** - Cuak dengan kehadiran polis, seorang pengedar dadah hanya sempat membuang dua paket syabu ketika cuba melarikan diri dalam serbuan pihak berkuasa itu di skim penempatan Kinarut di sini Isnin lalu.

Dalam serbuan pukul 12.10 tengah malam itu, suspek warga asing yang berusia 29 tahun terbabit bagaimanapun gagal menyembunyikan 14 lagi paket syabu dari-

pada dirampas polis.

Ketua Polis Daerah Papar, Deputy Superintendan Ladamah Sulaiman berkata, pihaknya merampas 16 paket syabu seberat 50.25 gram bernilai RM5,900 daripada suspek termasuk dua paket yang dicampaknya.

"Siasatan mendapati suspek merupakan pengedar utama bekalan dadah di sekitar kawasan penempatan itu sejak enam bulan lalu," katanya berkata

demikian pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Papar di sini semalam.

Menurut Ladamah, polis tidak menolak terdapat dalam kalangan penagih luar daripada daerah ini terutama dari Penampang dan kawasan sekitar turut mendapatkan bekalan daripada suspek.

"Suspek juga merupakan individu dikehendaki polis di sekitar daerah ini," ujarnya.